

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 20 MAC 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 22

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1521-L18072

Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan langkah-langkah diambil oleh Kerajaan serta kos pelaksanaan untuk mencapai sasaran 31% tenaga diperbaharui (RE) dalam kapasiti terpasang pada tahun 2025.

2. PR-1521-L19190

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pihak Kerajaan Persekutuan akan meneruskan usaha untuk mencari penyelesaian kepada konflik di Myanmar yang telah dimulai oleh Kerajaan terdahulu.

3. PR-1521-L18491

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha dan kerjasama rentas Kementerian yang sedang dirancang bagi meningkatkan pembangunan belia selaras dengan Model Baharu Pembangunan Belia 2030 (MBPB2030) yang bakal dilancarkan tahun ini.

4. PR-1521-L18158

Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah peranan Kementerian sehingga kini bagi memastikan Projek Kedah Aerotropolis diteruskan demi meningkatkan aktiviti ekonomi di Selatan Kedah.

5. PR-1521-L18471

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah proaktif yang akan menjadi fokus kerajaan supaya kquarters pekerja berpusat (CLQ) dijadikan alternatif utama serta menyediakan kquarters pekerja berpusat (CLQ) yang memenuhi standard ditetapkan Kerajaan dan pihak berkuasa tempatan (PBT), sebagai syarat bagi penggajian pekerja asing pada masa depan.

6. PR-1521-L19159

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [Langkawi] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hak rawatan OKU yang terlibat dalam masalah penagihan dadah. Dimaklumkan bahawa pusat pemulihan AADK tidak menerima OKU sebagai pesakit. Apakah Kerajaan akan mengambil tindakan untuk membina pusat pemulihan khusus untuk orang OKU.

7. PR-1521-L17958

Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah penubuhan Bursa Aset Karbon (*Carbon Asset Exchange*) di Kuala Lumpur menjas hak Sabah dan Sarawak untuk menubuhkan Bursa Aset Karbon masing-masing di Sabah dan Sarawak serta perniagaan Karbon Kredit yang dihasilkan oleh Sabah dan Sarawak memandangkan Karbon Kredit Perhutanan adalah 'hasil hutan' yang tersenarai dalam kategori 'perhutanan' di bawah Senarai Negeri dalam Perlembagaan Persekutuan.

8. PR-1521-L18890

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :

- (a) berapa anggaran jumlah rumah mampu milik yang diperlukan di Negeri Kelantan pada waktu ini; dan
- (b) berapa anggaran jumlah rumah mampu milik di Negeri Kelantan yang sedang dibina oleh pihak Kementerian pada waktu ini.

9. PR-1521-L18231

Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengenai kekurangan fasiliti kesihatan di Hospital Kota Marudu seperti ketersedian peti simpanan (*freezer*) jenazah, ketersediaan wad untuk menampung pesakit, kekurangan kenderaan ambulans dan juga kekurangan staf terlatih seperti doktor pakar. Apakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk menaik taraf Hospital Kota Marudu memandangkan ianya antara hospital tumpuan di kawasan Pantai Barat Utara, Wilayah Sabah.

10. PR-1521-L18736

Dr. Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan polisi pemasangan lampu jalan awam (lampu jalan kampung / mini tar) dan berapa lamakah tempoh kelulusan permohonan sehingga pemasangan dilakukan.

11. PR-1521-L18050

Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan inisiatif Kementerian Pengangkutan dalam menangani isu harga tiket penerbangan yang tinggi terutamanya semasa musim perayaan.

12. PR-1521-L19145

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :

- (a) senarai kawasan *hotspot* yang telah dipasang sistem amaran awal bencana banjir seluruh negara sehingga tahun 2022; dan
- (b) sejauh mana penggunaan teknologi Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dapat mengurangkan risiko bencana banjir pada masa akan datang.

13. PR-1521-L19075

Tuan Gobind Singh Deo [Damansara] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk mengeluarkan garis panduan untuk premis-premis yang menjalankan aktiviti perkhemahan (*camping*) di kawasan cerun bukit agar tragedi Batang Kali dapat dielakkan pada masa hadapan.

14. PR-1521-L19378

Dato' Dr. Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana komitmen Kementerian untuk menubuhkan Majlis Autisme Kebangsaan.

15. PR-1521-L18798

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah polisi dan peraturan yang dijadikan sebagai garis panduan oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia untuk setiap pengunjung daripada luar negara yang ingin memasuki ke negara ini dengan menggunakan Pas Lawatan Sosial.

16. PR-1521-L19278

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :

- (a) apakah Kerajaan PH-BN mempunyai perancangan untuk mewujudkan semula pilihan raya pihak berkuasa tempatan (PBT); dan
- (b) adakah kajian sudah dilakukan ke arah itu.

17. PR-1521-L18721

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang pelan Kementerian untuk mengawal penularan COVID-19 di negara ini terutamanya dengan pembukaan semula sempadan negara.

18. PR-1521-L19260

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :

- (a) berapa jumlah daripada RM10.76 bilion untuk menampung subsidi tarif elektrik bagi membantu rakyat seperti yang Kerajaan Persekutuan pada 16 Disember yang lepas akan disalurkan untuk pengguna di Sarawak; dan
- (b) apakah mekanisme yang akan diguna pakai untuk menyalurkan ke Sarawak.

19. PR-1521-L17965

Datuk Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bilakah naik taraf jalan dari Kampung Kaingaran ke Kampung Karagasan akan dimulakan kerana sepatutnya jalan ini sudah termasuk di dalam penaiktarafan Jalan Tarawas – Kaingaran - Karagasan yang telah dipohon sebelum ini.

20. PR-1521-L19206

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai pegawai kesihatan yang mencukupi bagi merealisasikan cadangan membuka beberapa klinik kesihatan secara lebih masa bagi menangani masalah kesesakan hospital terutamanya di unit kecemasan.

21. PR-1521-L18125

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan penyelesaian kepada kekurangan pekerja dalam sektor industri elektrikal dan elektronik (E&E) yang memerlukan lebih 4,000 jurutera, 2500 technician dan 15,000 pekerja kilang. Kekurangan pekerja dalam sektor E&E adalah di negeri Pulau Pinang, Kedah, Selangor dan Johor.

22. PR-1521-L18945

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah tegas Kerajaan dalam menangani isu kemalangan yang berpunca daripada pemandu mabuk yang sering kali menyebabkan pihak lain pula yang menjadi mangsa sehingga ada yang kehilangan nyawa dan mata wang pencarian.

23. PR-1521-L19000

Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk membina sebuah kompleks sukan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan sukan bagi membolehkan bakat sukan baharu dapat dicungkil di samping menjadi pusat kegiatan riadah yang bermanfaat untuk kesemua lapisan masyarakat.

24. PR-1521-L19006

Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan akan menilai semula status Penang Technology Park menjadi hab pendidikan dan kesihatan memandangkan penduduk Bertam membantah projek tersebut di Kepala Batas kerana gagal memenuhi garis panduan *Environment Impact Assessment*, *Social Impact Assessment* dan *Traffic Impact Assessment*.

25. PR-1521-L18600

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan semula mendiang Teoh Beng Hock sejak 2018 dan kesudian Kerajaan Perpaduan menuahkan satu pasukan siasatan baru untuk menyiasat kes tersebut di bawah seksyen 302 atau 304 Kanun Keseksaan.

26. PR-1521-L18742

Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan perencanaan jangka panjang Kementerian untuk mengurangkan impak daripada bencana alam seperti banjir besar yang melanda penghujung tahun 2021.

27. PR-1521-L18638

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan orang yang disiasat dan ditahan serta bilangan orang yang dituduh di mahkamah di bawah Akta Hasutan 1948 berdasarkan jantina, umur, kaum (Melayu, Cina, India, Bumiputera bukan Melayu dan lain-lain) mengikut seksyen/jenis kesalahan untuk tahun-tahun 2020, 2021 dan 2022.

28. PR-1521-L18119

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah keperluan untuk mengadakan pilihan raya PBT dan adakah ia nya tidak mengakibatkan berlakunya pembaziran kepada Kerajaan.

29. PR-1521-L(5)00154

Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan hasil siasatan Jabatan Alam Sekitar terhadap tuduhan bahawa Syarikat AA Sawit Sdn Bhd melanggar Akta EQA dengan memulakan pembangunan ladang kelapa sawit di Endau, Johor tanpa kelulusan laporan EIA.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

30. PR-1521-L19013

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status kemajuan terkini projek pembinaan blok baru dan naik taraf blok lama OPD Klinik Kesihatan Hiliran, Kuala Terengganu dan pembinaan klinik kesihatan (Jenis 7) dengan Kuarters Paya Datu, Kuala Terengganu.

31. PR-1521-L18552

Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :

(a) jumlah permohonan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dari tahun 2018 hingga 2022 mengikut perincian tahun, jumlah permohonan, dan jumlah lulus; dan

(b) jumlah permohonan PPRT dan jumlah permohonan yang telah lulus di kawasan Tenom dari 2018 hingga 2022.

32. PR-1521-L18857

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah inisiatif pihak Kementerian untuk mengatasi masalah banjir air pasang besar dalam pekan Kuala Kedah dan sekitarnya.

33. PR-1521-L19458

Tuan Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan di Batu Pahat, data DOSM menunjukkan terdapat 11% atau lebih kurang 5,000 isi rumah masih berstatus menyewa rumah kediaman. Kemungkinan kumpulan ini menyewa kerana baru ditempatkan atau baru mendapat kerja di Batu Pahat. Tetapi sebilangan besarnya adalah mereka yang tak mampu atau tiada peluang untuk memiliki rumah kediaman kerana mereka berada dalam kumpulan B40. Adakah Kementerian bercadang untuk menyediakan rumah yang selesa untuk mereka diami atas dasar 'sewa-beli'.

34. PR-1521-L18615

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk menaik taraf Balai Bomba dan Penyelamat di Lembah Klang terutamanya di daerah Kuala Langat yang sangat rancak membangun.

35. PR-1521-L18008

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah projek MRT/LRT (Sistem Transit Keretapi Ringan) dijangka dibina di Pulau Pinang untuk mengatasi kesesakan lalu lintas jalan raya yang menjadi semakin teruk di Pulau Pinang.

36. PR-1521-L18788

Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan pihak Kementerian untuk mengatasi kesesakan di hospital dan klinik kesihatan sedia ada.

37. PR-1521-L18117

Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [Sri Aman] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status tahap kawalan keselamatan di sempadan Malaysia Timur (Sabah dan Sarawak) dan Kalimantan memandangkan sering kali berlakunya aktiviti pencerobohan dan penyeludupan haram sekaligus mengancam keselamatan dan ekonomi negara.

38. PR-1521-L18352

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan berikutan termeterai memorandum persefahaman antara Perbadanan Menteri Besar Kedah bersama Jangka Bakat Minerals Sdn. Bhd. dan Xiamen Tungsten Co. Ltd. berhubung perlombongan *Rare Earth Elements* (REE), adakah Kerajaan Negeri Kedah telah memohon Penilaian Impak Alam Sekitar untuk aktiviti tersebut dan kawasan manakah yang akan terlibat.

39. PR-1521-L18417

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senarai kesemua pusat tahanan imigresen tetap dan sementara di negara dan bilangan individu yang kini ditahan di setiap pusat tahanan mengikut pecahan umur, jantina, negara asal dan tempoh tahanan. Bagi kanak-kanak yang ditahan, nyatakan bilangan mereka yang ditahan tanpa ibu bapa (*unaccompanied minors*) dan bilangan mereka yang ditahan bersama ibu atau bapa.

40. PR-1521-L18580

Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini projek ECRL dan adakah laluan serta stesen-stesen ECRL ini telah dimuktamadkan sepenuhnya.

41. PR-1521-L18445

Tuan Wong Kah Woh [Taiping] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah vaksin COVID-19 yang telah luput atau yang akan luput dalam masa 6 bulan yang akan datang. Berapa jumlah kerugian dari segi kos pembelian.

42. PR-1521-L19481

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sektor industri yang terkesan dari segi tenaga kerja dengan mengambil kira perkembangan keupayaan kecerdasan buatan (AI).

43. PR-1521-L18345

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian akan memperkenalkan skim subsidi bas berhenti-henti atau bas mini untuk Sabah sama seperti pas perjalanan My50 yang dinikmati oleh pengguna pengangkutan awam di Lembah Klang pada ketika ini.

44. PR-1521-L19414

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengenakan tindakan undang-undang yang lebih tegas terhadap pemaju yang gagal untuk menyiapkan projek perumahan dalam tempoh masa yang ditetapkan khususnya projek perumahan rakyat serta apakah perancangan untuk memastikan projek perumahan tergenda dapat diteruskan kembali.

45. PR-1521-L18148

Dato Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status/jadual perlaksanaan kerja pembaikan Klinik Kesihatan Long Lama Baram yang mengalami kerosakan akibat kejadian tanah runtuh beberapa tahun lepas serta status/jadual perlaksanaan Klinik Kesihatan Long San Baram yang telah diluluskan pihak Kerajaan sebelum ini.

46. PR-1521-L19195

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan intipati Perjanjian Perkongsian dan Kerjasama (PCA) antara Malaysia dan Kesatuan Eropah (EU) yang ditandatangani pada 14 Disember 2022 serta bilakah ianya akan dijangka mula berkuat kuasa.

47. PR-1521-L18404

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan untuk menaik taraf pembekalan air bersih bagi Daerah Tatau, Bahagian Bintulu, Sarawak khususnya di kawasan Sangan dan Kelawit.

48. PR-1521-L18824

Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan bagi menambah baik fasiliti di hospital yang lama seperti Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan.

49. PR-1521-L18695

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :

- (a) bila akan diperkenalkan Gerabak Khas Wanita LRT/Monorel/MRT. Memberi keselesaan kepada penumpang wanita terutamanya pada waktu puncak; dan
- (b) apakah langkah menyeluruh bagi mengekang anggota JPJ yang terbabit dengan salah laku, salah guna kuasa dan tidak berintegriti.

50. PR-1521-L19389

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status terkini projek tebatan banjir yang melibatkan kawasan-kawasan sepanjang Sungai Langat sebagai penyelesaian jangka panjang mengatasi banjir.

51. PR-1521-L18367

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah untuk mengurangkan kesesakan dan kekurangan tempat parkir di Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar. Adakah Kementerian Kesihatan mempunyai rancangan untuk membina tempat letak kereta bertingkat bagi mengatasi masalah kekurangan tempat letak kenderaan di hospital tersebut.

52. PR-1521-L18081

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa jumlah pekerja gig yang berdaftar di kesemua sektor ekonomi dan isu-isu utama yang mereka hadapi dalam konteks pasca COVID-19.

53. PR-1521-L18380

Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana komitmen Kerajaan dalam mengekang ancaman nelayan warga asing di perairan negara yang mengaut hasil laut secara haram.

54. PR-1521-L18189

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perkara yang harus dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan pilihan raya Kerajaan tempatan di Malaysia. Adakah Sarawak mempunyai akta tersendiri yang membolehkan Sarawak menjalankan pilihan raya Kerajaan tempatan tanpa melibatkan pindaan apa-apa perundangan.

55. PR-1521-L18039

Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah rumah mampu milik dan rumah kos rendah yang dalam perancangan untuk dibina di Sarawak serta perancangan Kementerian dalam menangani masalah rumah setinggan di Sarawak.

56. PR-1521-L19317

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timur] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah peratusan kedatangan pesakit luar di Jabatan Kecemasan dan Trauma (JKT) yang menunggu 4 jam atau lebih untuk diterima oleh seorang doktor di hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia, daripada Januari 2013 sehingga Disember 2022.

57. PR-1521-L18601

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah harga jualan yang dilihat relevan untuk rumah mampu milik yang mampu mengimbangi komitmen pembeli termasuk berapa unit rumah mampu milik yang telah tersedia untuk tahun 2023. Berapakah jumlah keseluruhan unit rumah yang berdepan hutang sewaan yang tinggi termasuk cara Kementerian mengatasi kemelut ini dan bagaimana pendekatan penguatkuasaan yang akan diambil.

58. PR-1521-L18597

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan strategi untuk memastikan deklarasi (*voluntary pledge*) litupan hutan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara yang dibuat di Kemuncak Bumi Rio pada 1992 dapat dilaksanakan memandangkan litupan hutan di kawasan Semenanjung adalah di bawah 50%.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2023 (D.R.2/2023) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 seperti berikut :**

“Bahawa Dewan ini, menurut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari sembilan puluh sembilan bilion ringgit (RM99,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2023, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2023, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 2023, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut, dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 20 Disember 2022 mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2023 adalah dibatalkan dan hendaklah disahkan.”

Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis (16 Mac 2023)

- | | | |
|---------------------------------|-----------------------------------------------------------------|-----------------------------------|
| 2. (D.R 4/2023) | Rang Undang-Undang Kewangan 2023 | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| [Menteri Kewangan] | | |
| 3. (D.R 3/2023) | Rang Undang-Undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pengesahan) 2023 | “ |
| [Menteri Kewangan] | | |
| 4. (D.R 1/2023) | Rang Undang-Undang Pencetakan Teks Al-Qur'an (Pindaan) 2023. | “ |
| [Menteri Dalam Negeri] | | |
| 5. (D.R 5/2023) | Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2023. | “ |
| [Perdana Menteri] | | |
| 6. (D.R 6/2023) | Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2023. | “ |
| [Perdana Menteri] | | |

7. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan perenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan Malaysia melalui Menteri Kewangan (Diperbadankan) membuat pelaburan dengan menukar baki pinjaman Kerajaan Malaysia sebanyak RM165,282,814.00 kepada UDA Holding Berhad (UDA), sebuah syarikat dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada ekuti (modal saham) bersamaan Seratus Enam Puluh Lima Juta Dua Ratus Lapan Puluh Dua Ribu Lapan Ratus Empat Belas (165,282,814) unit saham biasa pada nilai RM1 bagi satu unit saham."

8. PR-1521-U(27)231

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia - Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia - Thailand adalah sepanjang kira-kira 656 km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[Menteri Dalam Negeri]

9. PR-1521-U(27)232

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan bahan makanan mentah seperti ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan bahan mentah tempatan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bahan makanan mentah. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan bahan mentah makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

10. PR-1521-U(27)233

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018 - 2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40. "

[Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan]

11. PR-1521-U(27)234

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan kepada enam negeri kurang membangun, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu seperti yang direncanakan di dalam Pelan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dapat dilaksanakan secepat mungkin. Berdasarkan pelan RMK-12 tersebut, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Ini akan mempercepatkan penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas serta menjana lebih banyak peluang ekonomi di negeri kurang membangun dan mengurangkan jurang pembangunan."

[Menteri Ekonomi]

12. PR-1521-U(27)235

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat bencana alam seperti banjir dan musim tengkujuh. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan sering kali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

13. PR-1521-U(27)236

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah

dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga harta tanah yang melambung akibat spekulasi harta tanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40. "

[Perdana Menteri]

14. PR-1521-U(27)237

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiap siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

[Perdana Menteri]

15. PR-1521-U(27)238

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyemak semula garis panduan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai isi kandungan media sosial yang sensitif serta tidak sesuai dengan agama Islam dan budaya tempatan seperti kandungan yang *pro-LGBT* dan *pro-liberalisme*. Misalnya, SKMM baru-baru ini telah bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memantau penyebaran klip-klip video sensitif yang berbaur provokasi dengan niat mencetuskan ketidakharmonian, kebencian dan prejudis. Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya melakukan tindakan yang sama bagi menangani penularan isi kandungan *pro-LGBT* dan *pro-liberalisme* di media sosial. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan martabat Islam sebagai agama rasmi negara terpelihara dan budaya tempatan dihormati. "

[Menteri Komunikasi dan Digital]

16. PR-1521-U(27)239

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasaraan kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

17. PR-1521-U(27)240

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Filipina dan Myanmar yang mempunyai tanaman dan baka padi yang berdaya komersial tinggi."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

18. PR-1521-U(27)241

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyediakan pelan tindakan yang komprehensif untuk menangani kadar pengangguran semasa yang dijangka meningkat terutamanya di kalangan graduan universiti, penduduk luar bandar dan golongan miskin bandar. Pelan tindakan ini amat diperlukan memandangkan keadaan ekonomi global juga bakal meruncing pada tahun 2023 dan kadar pelaburan asing di Malaysia akan terjejas. Dengan situasi ekonomi terkini, lambakan penganggur akan menyebabkan peningkatan jumlah golongan B40 dan B20 akibat peningkatan kos sara hidup."

[Perdana Menteri]

19. PR-1521-U(27)242

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya meneruskan usaha untuk memberi bantuan semula kepada pesawah menerusi Bajet 2023. Dalam ucapan Bajet 2023 yang lepas, Kerajaan mengumumkan bantuan sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan kepada 240 ribu penerima yang layak. Anggaran keseluruhan perbelanjaan bantuan tersebut adalah lebih kurang RM228 juta. Justeru itu, Kerajaan digesa agar mempercepat saluran bantuan tersebut kepada pesawah yang memerlukan bagi menyokong pengorbanan mereka sebagai tonggak utama dalam menghasilkan makanan ruji utama rakyat Malaysia iaitu beras. Kebanyakan petani di utara Semenanjung Malaysia mempunyai kawasan sawah padi yang luas serta subur yang juga sesuai ditanam pelbagai jenis tanaman seperti kelapa sawit. Walau bagaimanapun, para pesawah ini masih meneruskan tanaman padi bagi menjamin kelangsungan makanan ruji utama negara. Oleh hal demikian, Kerajaan diharapkan dapat menghargai pengorbanan para pesawah ini."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

20. PR-1521-U(27)243

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

21. PR-1521-U(27)244

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah

rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh hal yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

[Menteri Kewangan]

22. PR-1521-U(27)245

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

23. PR-1521-U(27)225

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Pindaan terhadap Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (JAC) 2009, seiring dengan cadangan serta titah Majlis Raja – Raja Melayu, demi memastikan pelantikan lima daripada sembilan ahli JAC tidak lagi dilakukan oleh Perdana Menteri. Bergerak ke hadapan, adalah wajar untuk Kerajaan Perpaduan meminda Akta JAC 2009 dan Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan bagi menghentikan campur tangan eksekutif yang hanya mengikut selera politik semata-mata dalam isu pelantikan hakim, sekali gus dapat mewujudkan kebebasan sistem kehakiman serta menjunjung keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang di dalam Malaysia sepetimana yang terkandung dalam Rukun Negara.

Sebelum ini, negara telah dikejutkan dengan pendedahan oleh mantan Tan Sri Peguam Negara di dalam buku tulisannya yang berjudul, "My Story: Justice in Wilderness", yang nyata bertentangan dengan laungan Kedaulatan Undang-undang atau "Rule of Law", oleh Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke-7. Berdasarkan penulisan beliau, terdapat pelbagai dakwaan mengenai isu pelantikan hakim, campur tangan didalam sistem kehakiman, pendakwaan politik, serta pelbagai pendedahan yang menerbitkan seribu satu persoalan. Pendedahan daripada mantan Tan Sri Peguam Negara tersebut amat membimbangkan, menimbulkan rasa syak wasangka dan persoalan terhadap sistem keadilan, dan juga kepincangan atas doktrin, dengan izin, "*separation of power*" atau pengasingan kuasa di dalam negara kita.

Justeru, saya menyambut baik kenyataan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) yang menyatakan bahawa, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk meneliti mengenai perkara tersebut. Namun, saya fikirkan Kerajaan tidak sepatutnya sekadar berhenti di situ sahaja. Sebaliknya perlu meminda JAC 2009 bagi merealisasikan hasrat murni Kerajaan terutamanya dalam urus tadbir yang baik atau '*good governance*'.

[Perdana Menteri]

24. PR-1521-U(27)226

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Pindaan terhadap harga maksimum telur ayam yang berkuat kuasa pada 12 Oktober 2022 di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dengan menaikkan harga kawalan telur tempatan dari RM0.41 ke RM0.50 sebiji, iaitu pada paras harga yang sama dengan harga telur import dari India. Di samping itu, Kementerian juga boleh mewujudkan "elaun telur secara *top-up*" kepada golongan B40 dengan menampung selisih harga telur sebanyak RM0.09 (RM0.41 -RM0.50) sebiji. Langkah ini boleh meringankan bebanan kewangan keluarga B40 dan turut membantu penternak tempatan mengatasi masalah kos operasi yang meningkat, sekali gus mengatasi masalah kekurangan bekalan telur ayam. Seandainya elaun telur sebanyak RM200 setahun diberikan kepada golongan B40, banyak telur yang boleh dimakan oleh keluarga B40.

Kementerian seharusnya mengutamakan penternak tempatan semasa menangani masalah kekurangan bekalan telur ayam. Ramai penternak atau pengusaha ladang ayam telur terpaksa menampung kos operasi yang tinggi mengeluarkan telur. Kos untuk menghasilkan sebiji telur ayam di ladang kini mencecah RM0.45 sebiji, di mana sebahagian besarnya membabitkan penghasilan makanan ayam. Menurut Laporan Kajian Khas Kos Pengeluaran Ayam Dan Telur oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada Disember 2022, purata kos pengeluaran di peringkat ladang bagi telur adalah RM0.48 sebiji pada September 2022. Penternak tempatan rugi kerana telur tempatan hanya boleh dijual dengan RM0.41 sebiji kerana ada kawalan harga, sedangkan kos menghasilkan sebiji telur telah pun melebihi paras harga tersebut. Kalau rugi, penternak tidak akan membela ayam untuk menghasilkan telur.

Malahan, telur import dari India dijual dengan RM0.50 sebiji, jika Kementerian memansuhkan kawalan harga, harga jualan telur tempatan juga lebih kurang sama iaitu kira-kira RM0.50 sebiji. Maka, cadangan untuk meminda harga kawalan telur tempatan ke RM0.50 sebiji bakal membantu rakyat dan penternak tempatan. Langkah tersebut boleh menjana ekonomi domestik dari sudut penyediaan peluang pekerjaan dan pembayaran cukai dari pihak penternak, kebersihan dan keselamatan telur ayam, kemudahan logistik, penyeliaan dan pembekalan berbanding dengan langkah mengimport telur dari India.

Justeru, Kementerian wajar mempertimbangkan cadangan pindaan kawalan harga telur supaya rakyat dan penternak tempatan tidak lagi terjejas dalam masalah kekurangan bekalan telur yang berpanjangan ini. Elaun telur kepada golongan B40 juga boleh memastikan rakyat terus berkemampuan menikmati makanan asas ini tanpa terjejas oleh kenaikan harga kawalan telur. Telur dan ayam adalah makanan asas rakyat tanpa mengira kaum atau agama, perkara ini harus dijadikan keutamaan."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

25. PR-1521-U(27)227
Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan langkah-langkah Kerajaan dalam menghadapi Kemelesetan Ekonomi Global pada 2023 seperti yang diramalkan oleh pelbagai institusi kewangan dalam dan luar negara.

Menurut kajian yang dibuat oleh Bank Dunia; dalam menghadapi risiko, di mana bank-bank negara di seluruh dunia telah dan akan secara serentak menaikkan kadar faedah secara mendadak. Kesannya, seluruh dunia akan menghadapi krisis ekonomi dan bakal menuju kepada krisis kewangan yang semestinya akan memberikan impak negatif yang berpanjangan.

Pelbagai kajian dasar, pakej rangsangan dan langkah diplomatik perlu dibuat oleh Kerajaan untuk memastikan negara kita kalis krisis ini dan membolehkan rakyat hidup dalam kestabilan ekonomi yang optimum. Selain itu, krisis ekonomi secara global juga dijangka akan membawa kepada kemerosotan KDNK sebanyak 0.5 peratus pada 2023.

Pertumbuhan ekonomi mesti dipertingkatkan supaya negara kita boleh mencapai penkuhan nilai mata wang dan menarik lebih banyak pelaburan yang strategik di mana akan menyumbang kepada peluang pekerjaan, peningkatan produktiviti, pengukuhan pasaran modal dan mengurangkan kemiskinan rakyat. "

[Menteri Ekonomi]

26. PR-1521-U(27)228

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan Kerajaan untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa khas di peringkat jemaah menteri bagi membuat kajian dan perancangan dalam membasmikan kemiskinan golongan nelayan. Mengikut rekod lalu yang dibuat, bancian daripada SENDI-LKIM (2008-2017) mendapati bahawa para nelayan hanya memperoleh pendapatan melebihi RM1,200 sahaja. Meskipun Kerajaan sudah menyediakan peruntukan kepada nelayan melalui Elaun Sara Hidup Bantuan Nelayan dan Skim Subsidi Petrol, namun dengan peningkatan kos sara hidup dan keterbatasan akses kepada kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan telah menyukarkan dan membebankan para nelayan yang berada di kawasan luar bandar. Tahun 2022, sejumlah RM7 juta diperuntukkan kepada LKIM sebagai modal pusingan pembelian ikan tempatan sebanyak 1,000 tan metrik yang akan ditempatkan di 130 bilik sejuk beku di seluruh negara untuk menghadapi musim tengkujuh. Permasalahan ini berlaku disebabkan penglibatan orang tengah yang menganiaya dan mengambil kesempatan atas usaha para nelayan dengan memberi alasan hasil yang berkurangan disebabkan oleh cuaca buruk dan secara tidak langsung memberikan kesan negatif kepada rantaian sekuriti makanan negara. Penerangan yang jelas kepada sistem penyaluran bantuan Kerajaan juga harus ditambah baik terutamanya kepada golongan-golongan yang tidak mahir menggunakan kemudahan internet dan agensi berkaitan haruslah mencari nelayan yang masih belum berdaftar agar bantuan Kerajaan juga boleh dinikmati oleh mereka. Pokoknya, Kerajaan harus meneliti dan menggali dengan lebih mendalam tentang permasalahan yang dihadapi oleh para nelayan. Kita harus memperkasakan saluran bantuan Kerajaan agar tidak berlaku ketirisan dan aktiviti penyalahgunaan kuasa yang digunakan oleh pihak-pihak tertentu. "

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

27. PR-1521-U(27)229

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan sebuah pelan tindakan khas untuk menghadapi dan mengatasi krisis utiliti terutamanya tenaga elektrik dan bekalan air bersih serta apakah jangkaan kesan kepada rakyat apabila inisiatif Kerajaan mengurangkan pemberian subsidi utiliti.

Krisis tenaga elektrik berpunca dari harga bahan api sangat tinggi yang menyebabkan peningkatan mendadak kos penjanaan elektrik dan pelarasan tarif elektrik melalui mekanisme ICPT. Berdasarkan kepada kos penjanaan yang sangat tinggi ini, semua pengguna elektrik di Semenanjung Malaysia sepatutnya dikenakan surc妖 sebanyak 27 sen/kWj bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2023 yang akan menyebabkan peningkatan kos sara hidup sekiranya dilepaskan kepada pengguna sepenuhnya. Sekiranya keseluruhan kos ICPT ditampung melalui subsidi, Kerajaan pula perlu menyediakan peruntukan yang sangat besar dan membebankan.

Krisis sumber air bersih diakibatkan oleh penebangan hutan secara berleluasa dan pembalakan yang tidak terkawal boleh memusnahkan "hutan awan" (*cloud forest*) yang akan mengakibatkan kehilangan sumber air yang berharga selain menyebabkan hakisan tanah dan menjelaskan kualiti sumber air. Pembuangan sampah dan sisa toksik industri juga menyumbang kepada pencemaran air sungai yang boleh menyebabkan masalah gangguan bekalan air tidak berjadual timbul dan menyukarkan rakyat dalam kehidupan sehari-hari dan secara langsung menelan kos yang tinggi bagi meningkatkan tahap capaian bekalan air bersih, tambahan pula kerja-kerja penyelenggaraan dan penggantian peralatan secara berkala di loji rawatan air atau sistem agihan oleh operator bekalan air semestinya memerlukan perbelanjaan yang tinggi.

Oleh hal demikian jaminan tenaga dan air perlu dirangka dengan langkah yang selamat oleh Kerajaan dalam mencapai penggunaan utiliti yang mampan serta efisyen dengan penggunaan kos yang rendah serta pengenaan caj tidak membebankan rakyat. Pengalaman krisis tenaga yang dilalui oleh masyarakat di Eropah perlu diambil sebagai panduan dan perkara yang perlu dirujuk dalam membuat sebarang pertimbangan pada masa kini dan hadapan."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

28. PR-1521-U(27)230

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menubuhkan sebuah Institut Rukun Negara bagi mengkaji dan membentangkan perancangan model literasi perpaduan jangka masa panjang menyeluruh yang akan menyelesaikan masalah polarisasi kaum yang semakin menebal dalam kalangan anak muda di negara ini. Model pendidikan jangka masa panjang ini perlu merangkumi keseluruhan aspek pembelajaran termasuk komponen subjek akademik, komponen kerohanian dan komponen etnik tanpa membelakangi peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan semangat Rukun Negara. Masalah polarisasi kaum akan dilihat semakin serius jika perancangan, penekanan dan pemantauan ini tidak dilakukan segera daripada peringkat awal pembelajaran dan ia tidak dapat mencapai tahap toleransi semua kaum dan semangat kenegaraan semakin lemah dalam kalangan anak muda. Kesannya terhadap potensi untuk membangunkan negara bangsa mengikut acuan kita sendiri akan terencat dan keharmonian serta kesejahteraan negara juga akan terancam."

[Menteri Perpaduan Negara]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 55	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah (LJT) Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	20 Mac 2023
ST. 59	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	20 Mac 2023
ST. 60	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) Bagi Tahun 2020 (Telah Diaudit)	20 Mac 2023
ST. 64	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	20 Mac 2023
CMD. 24	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) Bagi Tahun 2021	20 Mac 2023

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 20.03.2023 (Isnin)	1. YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid (Bukit Bendera)	1. Pengukuhan Semangat Patriotisme dalam Membentuk Masyarakat Madani	1. YB Menteri Perpaduan Negara
2. 20.03.2023 (Isnin)	2. YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid (Bukit Bendera)	2. Penyelesaian Isu Perumahan di Tanjong Tokong, Pulau Pinang	2. YB Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi
3. 20.03.2023 (Isnin)	3. YB Tuan Wan Razali bin Wan Nor (Kuantan)	3. Pemasangan Lampu Limpah di Kawasan Pendaratan Bot Nelayan	3. YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan
4. 20.03.2023 (Isnin)	4. YB Tuan Wan Razali bin Wan Nor (Kuantan)	4. Pembesaran Longkang Bagi Mengatasi Banjir	4. YB Menteri Kerja Raya

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**